

Kampung jadi tumpuan program kesihatan

JENJARUM - Program Gegar 10,000 Langkah Merdeka adalah sinonim dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan sudah pun memasuki tahun kelima pelaksanaannya.

Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Wan Ahmad Razman Wan Abdul Salim berkata, pelaksanaan secara serentak di setiap daerah di seluruh negara itu digabung dengan satu lagi kempen kesihatan tahunan iaitu Kem Nak Sihat.

"Kempen ini bertujuan membudayakan aktiviti fizikal dan amalan cara hidup sihat

yang lain dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

"Bagi memastikan pelaksanaan program lebih dekat dengan masyarakat setempat, kita memilih kawasan-kawasan kampung sebagai lokasi penganjuran program ini," katanya.

Menurutnya, pada tahun lepas program itu diadakan di Kampung Sijangkang. Manakala Munir Avenue D'Kampung Stay di Kampung Jenjarum pula menjadi lokasi pilihan tahun ini.

"Pelaksanaan program ini turut mendapat kerjasama yang baik daripada pelbagai

pihak termasuk JKKKP Kampung Jenjarum," katanya.

Wan Ahmad berkata, pelbagai pameran interaktif diadakan dalam Kem Nak Sihat termasuk memberi fokus kepada aktiviti fizikal, pemakanan sihat, imunisasi, pencegahan TB, pencegahan HIV dan denggi serta kempen kenali ubat.

"Sukarelawan KOSPEN yang dikenali sebagai GSIM turut menjayakan program saringan kesihatan termasuklah pengiraan BMI, tekanan darah dan tahap gula dalam darah," katanya.



Kira-kira 1,000 peserta menyertai Program Gegar 10,000 Langkah Merdeka dan Sihat 2017.

300 warga Kemas meriahkan Moh Ngeteh Merdeka



Sulaiman bersama Rozaidi menarik air teh untuk diberikan kepada kanak-kanak Tabika Kemas.

TELOK PANGLIMAGARANG - Penyertaan 300 warga Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Selangor dalam Program Moh Ngeteh Merdeka di pekarangan Pusat Sumber Kemas Teluk Mengkuang, kelmarin membuktikan sikap komited meningkatkan perpaduan dalam komuniti.

Timbalan Pengarah Kemas negeri, Rozaidi Osman berkata, penyertaan masyarakat terutama kanak-kanak pada program itu juga menjadi platform merapatkan hubungan dengan warga Kemas.

"Kita harapkan hubungan baik dapat diteruskan melalui pelbagai aktiviti secara santai ini yang sekali gus dapat mengajak semua lapisan masyarakat bergiat

aktif dalam program yang dianjurkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, walaupun program kelihatan santai namun ia padat dengan pengisian minda terutama kesedaran berhubungerti merdeka yang sebenar.

"Program menyambut kemerdekaan walaupun sekadar minum teh dan sarapan secara sederhana namun ia membuktikan negara kita masih aman berbanding rakyat negara lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program tersebut yang turut dihadiri Pegawai Kemas Kuala Langat, Harun Hashim, di sini.

Tidak peka punca usaha terbantut

Sikap masyarakat sumbang kegagalan penguat kuasa tangani isu pelupusan sampah

BANTING - Sikap tidak peka dengan alam sekitar sering dilihat menjadi faktor kegagalan usaha pelbagai pihak menangani isu pelupusan sampah dengan cara yang betul.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, faktor itu juga menyumbang kepada kewujudan lokasi haram termasuk pembuangan sampah di kawasan letak kenderaan.

"Sejak Januari hingga Ogos tahun ini sahaja sebanyak 30 operasi sampah haram dilaksanakan penguat kuasa dalam mengekang sikap tidak bermoral ini berterusan.

"Daripada jumlah itu, MDKL mengenal pasti tiga hotspot yang melibatkan kawasan Bandar Saujana Putra, Kampung Kanchoong Darat dan Kampung Bukit

Changgang," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, dalam keseluruhan operasi berkenaan sebanyak 44 notis kesalahan dikeluarkan kerana membuang sampah haram selain menyita empat buah lori.

"Sebanyak enam kertas siasatan dibuka dan tindakan selanjutnya akan diambil. Sitaan turut dilakukan mengikut Undang-Undang Kecil (UKK) Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah MDKL 2007.

"Pesalah pula akan berdepan dengan pendakwaan kes di mahkamah jika enggan menjelaskan kompaun dan sekiranya disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda maksima sebanyak RM2,000," katanya.

INFO • Sebanyak 44 notis membabitkan kesalahan membuang sampah haram dikeluarkan MDKL dalam 30 operasi yang dilakukan sejak awal tahun hingga Ogos lalu

Mohamad Zain berkata, sikap supaya lebih bertanggungjawab serta cintakan alam sekitar tanpa berbelah bahagi dituntut bagi memastikan generasi sekarang dan akan datang dapat menikmati suatu kehidupan yang lebih baik dan harmoni.

"Rondaan, pemantauan serta penguatkuasaan dilakukan setiap hari dengan kerjasama orang awam yang turut memberikan maklumat serta aduan di kawasan



Sebuah lori disita dalam salah satu operasi yang pernah dijalankan penguat kuasa MDKL dalam usaha menangani isu pembuangan sampah haram.

kawalan. "Penghargaan juga kita berikan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Juar Pejabat Tanah Daerah Kuala

Langat yang bersama-sama menggerakkan pasukan bagi mengurangkan hotspot sampah haram," katanya. Beliau bagaimanapun mengingatkan semua

masyarakat sama ada yang berada di kawasan operasi atau kawasan kawalan MDKL supaya sentiasa menjaga dan memelihara kebersihan pada setiap masa.